

> DASAR & PENTADBIRAN



**Seri Paduka
berbuka puasa
bersama PM,
anggota Kabinet**

Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah berkenan berangkat ke majlis berbuka puasa bersama Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad serta barisan anggota Kabinet di Istana Negara, Kuala Lumpur, malam tadi. Yang turut hadir, isteri Perdana Menteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali. Kenamaan lain yang menyertai majlis itu ialah Ketua Hakim Negara, Datuk Tengku Maimun Tuan Mat dan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Datuk Mohamad Ariff Md Yusof. Majlis itu turut dihadiri perwakilan asing antaranya dari Yaman, Turki, Arab Saudi, Syria, Jordan, Mesir, Senegal, Bosnia-Herzegovina, Palestin, Iraq, Azerbaijan, Bahrain, Thailand, Bangladesh, Jepun, Filipina, India dan Brunei. **BERNAMA**